

Kajian Enrolmen Mahasiswa Dengan Kapasiti Asrama Perlu Dilakukan - Muhyiddin Bernama
May 12, 2014

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu analisis mengenai enrolmen mahasiswa di institut pengajian tinggi (IPT) dikaji bersama-sama dengan penyediaan asrama untuk mereka kerana dua perkara itu berkait rapat.

Beliau berkata kajian itu perlu untuk menentukan kapasiti penyediaan akses kepada pendidikan tinggi dan kemudahan asrama yang optimum bagi Malaysia yang akan mencapai status negara maju menjelang 2020.

"Pada masa ini, Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Kementerian Pendidikan sedang meneliti unjuran enrolmen mahasiswa dalam pendidikan tinggi bagi IPT awam dan swasta sehingga 2020 yang akan diperhalusi dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11)," katanya ketika berucap pada Mesyuarat Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) di ibu negara, Isnin.

Hadir sama Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh dan Timbalan Menteri Pendidikan P. Kamalanathan.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata enrolmen mahasiswa di IPTA telah meningkat daripada 462,780 orang pada 2010 kepada 521,793 orang pada 2012.

"Kapasiti asrama baharu yang dibina di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) di bawah RMK-10 pula sebanyak 75,184," katanya.

Muhyiddin berkata daripada jumlah itu, sebanyak 7,184 telah siap dibina, 39,000 dalam pembinaan dan baki 29,000 masih dalam pelbagai peringkat perundingan.

Selain itu katanya, melalui inisiatif PFI, Kementerian Pendidikan membangunkan kolej-kolej kediaman mahasiswa yang dijangka dapat menampung lebih 54,000 mahasiswa.

Isu asrama mahasiswa adalah antara perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat MPPK tahun lepas.

Muhyiddin berkata semua pandangan bernas yang dikemukakan pada mesyuarat hari Isnin akan dijadikan input kepada kerajaan untuk pertimbangan selanjutnya.

Mesyuarat MPPK, yang memasuki tahun ke-16 pelaksanaannya sejak 1999, merupakan platform utama bagi barisan kepimpinan mahasiswa di IPT untuk menyuarakan isu-isu, memberi cadangan dan pandangan dalam menambahbaik dasar serta program pembangunan negara.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037733>